

17/08/2000

Gangguan seksual: Majikan perlu lebih proaktif

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan hak wanita di negara ini meminta lebih banyak syarikat swasta mewujudkan mekanisme dalaman bagi menangani gangguan seksual di tempat kerja.

Presiden, Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Datin Paduka Zaleha Ismail berkata pihaknya juga mengalu-alukan cadangan menjadikan Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual sebagai undang-undang.

Katanya, dalam dialog NCWO dan beberapa NGO lain dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 24 Julai lalu, pihaknya ada mengajukan isu berkenaan.

"Kita menyokong penuh undang-undang itu dilaksanakan bagi menangani isu ini. Jika ada pekerja wanita diganggu, ia perlu segera dilaporkan untuk dibawa kepada perhatian majikan," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai sambutan dingin syarikat swasta terhadap pewujudan mekanisme dalaman menangani gangguan seksual di tempat kerja tidak menggalakkan dengan hanya 99 syarikat di seluruh negara mewujudkan mekanisme itu.

Semalam, akhbar melaporkan jumlah berkenaan masih jauh daripada sasaran Kementerian Sumber Manusia ketika melancarkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di tempat kerja, Ogos lalu.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, kesal masih banyak majikan belum mempunyai mekanisme berkenaan sementara beberapa syarikat memberikan pelbagai alasan untuk tidak menyediakannya di pejabat.

Presiden Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Meera Samanther, berkata langkah menjadikan kod berkenaan sebagai undang-undang adalah yang terbaik dalam usaha membendung gangguan seksual di tempat kerja.

"Langkah ini menunjukkan semua pihak terutama kerajaan mengambil berat isu wanita. Jika ia diwajibkan barulah semua syarikat swasta akan melaksanakan kod berkenaan," katanya.

Beliau turut menasihatkan mangsa gangguan seksual di tempat kerja supaya melaporkan perkara berkenaan kepada pihak yang bertanggungjawab.

"Dengan adanya kod ini, mangsa tidak lagi perlu berhenti kerja atas sebab tidak tahan gangguan seksual tetapi boleh mendapatkan hak termasuk melalui mahkamah," katanya.

(END)